

ISSUE #44/29 JUN 2025

# GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



SUARA COUNTERTENOR

Amsyar Lee

JADI REBUTAN PRODUKSI CHINA

# Amsyar Lee



Nama Amsyar Lee mungkin baharu dalam radar hiburan arus perdana, namun keberanian dan keunikian vokalnya kini sedang mencipta gelombang di pentas antarabangsa menerusi program realiti Sing! Asia yang ditayangkan di platform penstriman iQiYi.

Penyanyi muda yang memiliki nama penuh Muhammad Amir Syafiq Mohd Sadri, 26, ini menjadi wakil Malaysia dalam program yang menghimpunkan bakat-bakat terbaik dari China, Jepun, Singapura, Vietnam dan Thailand.

Menariknya, kesemua peserta bersaing dalam suasana cukup luar biasa iaitu di atas kapal persiaran mewah yang belayar merentasi Okinawa (Jepun), Ha Long Bay (Vietnam), Singapura dan Klang (Malaysia) sebelum kembali ke Hong Kong.

## **Permulaan di Sebalik Tabir**

Menurut Amsyar, penyertaannya bermula selepas pengurusnya memberi tawaran untuk hadir ke uji bakat anjuran produksi dari China.

"Amsyar dapat tahu selepas pengurus saya beri tawaran untuk pergi ke ujibakat ini."

"Selalunya Amsyar pergi audition untuk program Melayu di Malaysia. Tapi kali ini, Alhamdulillah, produksi dari China suka. Mungkin sebab masa tu Amsyar seorang saja yang Melayu dalam bilik audition. Yang lain semua berbangsa Cina."

"Tak sangka diberi peluang ke peringkat seterusnya yang berlangsung di China," ujarnya.

## Suara 'Luar Biasa' Yang Pernah Disangkal

Mengusung suara countertenor iaitu satu julat vokal lelaki bernada tinggi yang jarang diketengahkan di Malaysia, Amsyar mengakui pernah beberapa kali ditolak dalam pelbagai sesi uji bakat tempatan.

"Jujur Amsyar cakap, semua audition yang Amsyar pergi memang tak lepas."

"Mungkin sebab mereka ingat suara Amsyar ni pelik atau tak asli. Tapi saya tak putus asa. Saya pergi China, dan Alhamdulillah mereka terima," katanya.

Proses uji bakat Sing! Asia bukan mudah, apatah lagi melibatkan pelbagai negara dengan puluhan peserta lain. Namun, Amsyar tidak gentar untuk menggalas tanggungjawab itu.

"Bila dah tahu terpilih, kami mula buat persediaan lagu dan teknik sebab ini bukan sekadar menyanyi, ini soal bawa nama negara. Itu yang sebenarnya sakit juga, sebab kita nak buktikan Malaysia pun ada suara berwarna," katanya.

Antara detik paling emosional buat Amsyar adalah apabila penyanyi antarabangsa, Jessie J, memuji persembahan Amsyar dan menyifatkannya sebagai menakjubkan.

"Perasaan Amsyar tak habis lagi sebab asyik terbayang gelak ketawa dia. Masa depan juri tu, Amsyar tak berhenti senyum.

"Bila Jessie J tulis nama Amsyar sebagai pilihan dia, Amsyar rasa bangga sangat dan nak buat lebih baik untuk episod seterusnya," katanya lagi.

### **Diujikomen Netizen, Disambut Positif**

Walaupun menerima banyak komen positif, Amsyar tidak menafikan wujud juga suara sinis yang mempertikaikan bakat dan kelayakannya untuk berada di pentas antarabangsa.

Namun begitu, penyanyi muda ini memilih untuk kekal positif dan mengambil semua komen sebagai motivasi untuk terus maju.

"Amsyar berterima kasih kepada semua yang beri komen baik positif maupun negatif. Amsyar tahu ruang komen ni terbuka, jadi saya cuba ambil semua secara terbuka juga.

"Kalau tak puas hati dengan Amsyar pun, tak apa... tapi bagi ruang untuk Amsyar tunjukkan apa yang Amsyar boleh buat," ujarnya.

### **Shila Amzah Sebagai Inspirasi**

Disebabkan penyertaannya dalam program nyanyian di China, ada yang mula membandingkan Amsyar dengan penyanyi tersohor negara, Shila Amzah, yang turut pernah mencipta nama di negara tersebut.

Namun bagi Amsyar, tiada siapa yang boleh menggantikan tempat idolanya itu.

"Oh tidak, tidak! Shila Amzah memang salah seorang idola Amsyar.

"Masa Amsyar umur 13 tahun, Amsyar pernah tengok dia menyanyi di China, waktu tu Amsyar terus nekad nak jadi macam dia. Tapi bukan untuk menggantikan dia, cuma nak ikut jejak langkah dia.

"Shila sendiri pun pernah tinggalkan komen dan ucapan semoga berjaya kepada Amsyar. Memang rasa sangat terharu," katanya.

Buat masa ini, Amsyar memberi fokus penuh kepada pertandingan Sing! Asia dan berharap untuk membawa pulang kemenangan buat negara.

"Kalau boleh, saya nak bawa pulang pingat emas. Macam wakil negara!" ujarnya sambil ketawa.





## Perancangan Karier

Berkongsi mengenai perancangan selepas ini, Amsyar tidak menolak kemungkinan untuk merakam lagu dalam bahasa Cina selain menyertai konsert di sana sekiranya diberi peluang.

"Alhamdulillah, dekat sana dah ada yang berebut nak kerja sama. Mungkin akan ada konsert dan lagu Mandarin juga. Ada perancangan, tapi tak nak janji dulu. Kalau jadi, saya akan umum."

"Tapi Amsyar harap Malaysia akan terus lahirkan lebih banyak permata ke luar negara. Kalau dijemput serta pertandingan lain, Amsyar akan pergi, demi nama negara," katanya.

## 5 Trivia Menarik Tentang Sing! Asia

### 1. Pertarungan Vokal Di Lautan

Sing! Asia merupakan pertandingan realiti pertama yang berlangsung atas kapal persiaran mewah, berlayar dari Shanghai ke Okinawa, Ha Long Bay, Singapura, Klang, dan berakhir di Hong Kong.

### 2. Himpunan Bakat Asia

Sebanyak 32 peserta berusia 20 hingga 25 tahun dari sembilan negara Asia termasuk Malaysia, Jepun, China, Thailand, Vietnam dan Mongolia menyertai pertandingan ini.

### 3. Barisan Juri Bertaraf Dunia

Antara juri yang terlibat termasuk bintang antarabangsa Jessie J, Zhang Liangying dari China, ikon Jepun Kudo Shizuka, Tanya Chua dari Singapura dan penyanyi Taiwan Jeff Chang.

### 4. Peluang Besar Untuk Juara

Pemenang Sing! Asia bakal membawa pulang hadiah wang tunai, menandatangani kontrak rakaman, menerima jemputan untuk menyertai konsert berskala serantau serta menikmati liputan eksklusif daripada media-media terkemuka Asia.

### 5. Perpaduan Budaya Melalui Muzik

Setiap minggu peserta diberi cabaran genre atau budaya berbeza. Ini bukan sahaja uji versatiliti, tapi juga jadi peluang untuk memperkenalkan muzik negara masing-masing.



## Menang Kes, Netizen Nak Tengok BASS Naik Pelamin!

Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman sedang mencicip nikmat di sebalik dugaan selepas Mahkamah Rayuan memutuskan dirinya tidak bersalah dengan mengetepikan sabitan dan hukuman empat tuduhan pecah amanah, salah guna harta dan pengubahan wang haram dihadapinya berkaitan dana Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada).

Kemenangan itu juga menyaksikan Saddiq terlepas hukuman tujuh tahun penjara. 'Sengsara' lima tahun turun naik mahkamah dan bersabar dengan semua pertuduhan yang dilemparkan kepadanya, kini lelaki berusia 32 tahun itu sudah boleh menarik nafas lega.

Dan di sebalik kemenangannya, ada harapan besar yang dipasang oleh masyarakat serta netizen. Mereka mahu Saddiq memberi fokus terhadap kehidupan peribadi. Sementelah hubungan baiknya bersama pelakon dan penyanyi manis Bella Astillah sehingga mendapat jolokan BASS bukan lagi rahsia.

Ramai yang 'rasa bersemut' setiap kali melihat BASS meski hanya menerusi perkongsian di media sosial. Dan akan 'sesak' juga platform seperti TikTok, Threads malah komen-komen yang ditinggalkan di Instagram serta Facebook buat mereka berdua.

Kebanyakannya menitip doa agar hubungan yang terjalin sebagai rakan kerjasama untuk satu jenama bertukar menjadi sahabat lalu lalu dilihat seperti sudah terbit rasa cinta dalam diri masing-masing itu dengan ikatan rasmi.

Bukan bertunang tetapi netizen mahu melihat Saddiq menyunting Bella sebagai isteri sekaligus menjaga wanita yang ikut menangis saat keputusan kemenangan dibacakan pada Rabu lalu dengan baik.

Namun keinginan netizen dibalas penuh matang oleh Saddiq dan Bella.

Saddiq yang enggan mengulas lanjut tentang kehidupan peribadi mengaku masih berkobar-kobar untuk memberi fokus terhadap karier politik.

Bella pula mengatakan: "Sebagai perempuan tidak manus kongsi perancangan masa depan. Minta doa yang terbaik."

Memahami secara luaran, Saddiq barangkali memberi indikasi bahawa keinginan masyarakat untuk melihat beliau mengakhiri zaman bujang atau berkahwin dengan Bella mungkin tidak akan terjadi dalam masa terdekat.

Atau, keduanya lebih senang memilih pendekatan 'low profile' tentang rencana nikah kerana bimbang impian tidak menjadi kenyataan lalu membuat parah hati mereka. - MALIAH SURIP

## Sila Beri Laluan, Penghibur 90-an Mahu Beraksi

Program Gegar Vaganza sudah menjadi satu jenama ampuh yang diterbitkan Astro sebagai pentas revival atau kebangkitan semula penghibur daripada zaman 80-an, 90-an atau milenial yang kerjaya mereka secara kasat mata sudah tidak dapat dilihat ‘gemilang’.

Kini penganjur, boleh dikatakan bermula dengan kejayaan Konsert GenKRU oleh Icon Entertainment yang mencetus fenomena tersendiri mula menggali semula ‘harta karun’ yang pernah menyuburkan industri hiburan satu masa dahulu. Secara spesifik, penganjur mengembalikan zaman kegemilangan penghibur 90-an menerusi pengumuman konsert yang telah menuai pelbagai reaksi dalam kalangan peminat.

Berikut antara konsert penghibur tempatan dari era 90-an yang pernah dan bakal dilangsungkan berdasarkan permintaan peminat.



**Elite**

Dianggotai oleh lima anggota wanita iaitu Linda Rafar, Watie Sadali, Shasha Saidin, Abby Abadi dan Azza Zawari, Elite adalah sebuah kumpulan wanita yang sangat berpengaruh pada era 90-an. Ditubuhkan oleh KRU pada tahun 1995, Elite mencetak rekod dengan lagu-lagu popular seoerti Tamparan Wanita, G.I.G dan Di Pintu Syurga.

Pengumuman Konsert Elite Live 25 di Dewan Plenary Kuala Lumpur pada 20 September depan oleh Icon Entertainment menuai pelbagai reaksi dalam kalangan peminat. Ada yang teruja tidak kurang juga yang mempersoalkan tentang adakah relevan Elite untuk melakukan konsert? Semuanya terpulang kepada diri sendiri - tepuk dada tanya selera kerana Elite selepas 30 tahun tidak beraksi di pentas berskala besar mungkin akan memberi momen peribadi buat peminat.



**4U2C**

Tidak akan miming dan mahu menari penuh. Itu ikrar 4U2C sebaik mengumumkan akan mengadakan konsert dengan judul We 4U2C yang dijadual berlangsung di Idea Live Arena, Petaling Jaya, Selangor, 15 September depan.

Selain AC, 4U2C akan tampil dengan anggota asal iaitu Aren, Yanz, Rinz, Lanz, Charlie dan Azam. Ini merupakan persembahan berskala besar buat mereka selepas menjadi kegilaan peminat menerusi salam kenal di tahun 1995. Antara hit 4U2C yang masih malar segar sehingga kini adalah Fiona dan lagu raya 1 Syawal dijangka akan memecah ruang konsert saat mereka beraksi secara langsung kelak.

Pengumuman We 4U2C juga menimbulkan pelbagai reaksi peminat. Buat peminat tegar mereka, ini adalah waktu yang ditunggu sementara buat peminat baharu masih sedang menggeledah informasi tentang siapa 4U2C.



**Ruffedge**


Kumpulan Hip Hop dan R&B soul Malaysia, Ruffedge terlebih dahulu telah menakluk kembali hati para peminat dengan mengadakan beberapa siri konsert sejak permintaan terhadap mereka cukup tinggi sekitar tahun 2018.

Dianggotai oleh Azan, Zain, Cat Farish, Mode dan Sein, Ruffedge malah menghasilkan single terbaru berjudul Seperti Mereka.

Bukan hanya di Malaysia, siri konsert Ruffedge mendapat sambutan cukup hangat sehingga ke Singapura. Semuanya kerana telah pernah ‘diracun’ Ruffedge menerusi hit mereka seperti Bila Rindu, Tipah Tertipu, Khayalan dan Da Bomb.

Kini Ruffedge mengambil ‘waktu rehat’ daripada mengadakan konsert kerana bimbang peminat muak. - MALIAH SURIP

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Adrian Molina, Domee Shi, Madeline Sharafian  
Pelakon: Yonas Kibreab, Zoe Saldana, Remy Edgerly, Brandon Moon, Brad Garrett  
Genre: Animasi

Elio ialah kisah seorang budak lelaki berusia 11 tahun yang gemar angkasa lepas dan berasa terasing di dunia sendiri. Selepas kehilangan ibu bapanya, Elio tinggal bersama ibu saudaranya, Mayor Olga Solis. Hidupnya berubah apabila dia diculik oleh kapal angkasa dan dibawa ke Communiverse, sebuah organisasi antara galaksi. Di sana, Elio secara tidak sengaja dianggap sebagai wakil Bumi dan terpaksa menjalani misi diplomatik. Dalam pengembaraannya, dia berkawan dengan Glordon, anak kepada musuh utama Lord Grigon.

Pengarah: Sidharta Tata  
Pelakon: Omar Daniel, Anantya Kirana, Sultan Hamonangan  
Genre: Seram

Waktu Maghrib 2 ialah sebuah filem seram yang mengisahkan gangguan makhluk halus bernama Ummu Sibyan yang kembali menghantui sebuah kampung bernama Giritirto, dua dekad selepas insiden serupa berlaku di Kampung Jatijajar. Segalanya bermula apabila sekumpulan remaja — Yogo, Dewo dan Wulan — terlibat dalam pergaduhan dan mengeluarkan kata-kata sumpah ketika waktu maghrib selepas kalah dalam perlawanan bola sepak. Tanpa mereka sedari, kata-kata itu telah membangkitkan semula kuasa jahat Ummu Sibyan, yang kali ini mensasarkan kanak-kanak kampung. Adi, yang pernah mengalami gangguan sama pada masa lalu, kembali ke kampung untuk menghentikan teror tersebut dan melindungi generasi baharu daripada ancaman makhluk ghaib itu.

Pengarah: Indra Gunawan  
Pelakon: Citra Kirana, Rezky Aditya, Natasha Rizki  
Genre: Drama

Filem ini mengisahkan Kiki (Citra Kirana), seorang ibu tunggal yang hidupnya berubah selepas kematian suaminya, Ronald (Rezky Aditya). Terjerumus dalam masalah kewangan dan kehilangan kerja selepas berhijab, Kiki turut berdepan konflik keluarga yang mengancam masa depan anaknya, Bunga (Queen Lubis). Sokongan sahabatnya, Rahma (Natasha Rizky), memperkenalkan Kiki kepada ilmu Magnet Rezeki, yang mengajarnya bahawa setiap pemikiran adalah doa. Dengan semangat dan kepercayaan, hidup Kiki mula berubah, dan akhirnya dia menemui kebahagiaan baharu bersama suami keduanya, Bagas.

## MWA! DOLLA Gegar Carta GMW, Christy Ng & Ahmad Salam Paling Trending Minggu Ini

Lagu MWA! daripada DOLLA menggegarkan carta mingguan GMW sebagai Video Muzik Trending nombor satu mengatasi One More Time (KRU) dan Kerana Ego (Khai Bahar).


Dalam dunia digital, usahawan fesyen terkenal Christy Ng muncul sebagai Digital Creator Trending (Lifestyle) paling popular minggu ini dengan kandungan gaya hidup yang terus menginspirasi, manakala Ahmad Salam menonjol dalam kategori Beauty & Fashion dengan gaya dan persona unik yang memikat pengikut.

Turut mencuri perhatian, Amira Othman mencatat kemenangan berganda apabila lagu Bila Nak Kahwin? menjadi Lagu Trending nombor satu, selain dinobatkan sebagai Selebriti dan bintang Program Digital Trending menerusi Ruang Cerita ZAYAN.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

### TOP 5 Video Muzik Trending

1. MWA! - DOLLA
2. One More Time - KRU
3. Kerana Ego - Khai Bahar
4. Hijab Rindu - Black Hanifah
5. Lagu lelaki gila. - Naim Daniel (ft. Azwan Ali)

### TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)

1. Hakim Nanyan
2. Padil
3. Stormie
4. Hanif Loid
5. Aqil Farhan

### TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Achik Mael
2. Zuly Ali
3. Ki Misri
4. The Pretty Mamas
5. Muhammad Milaini

### TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)

1. Norrisham
2. Jason
3. Isaac Osman
4. Sofiaa Marieylla
5. Cik Dayang

X □ -



&lt; &gt;

X □ -



&lt; &gt;

## 300 Usahawan Raih Ilmu Penjenamaan Bersama Astro & RichWorks

Astro dengan kerjasama RichWorks Academy menganjurkan Astro Open Day bagi memperkasa lebih 300 usahawan tempatan melalui program Ai Branding Marketing Growth (AiBMG).

Peserta diberi pendedahan tentang potensi platform Astro merangkumi TV, radio, digital dan aktiviti fizikal sebagai medium pemasaran berimpak tinggi.

Program sehari di Studio 1, Bukit Jalil ini turut menampilkan sesi bersama penyampai radio popular, pembentangan strategi pengiklanan serta lawatan eksklusif ke studio dan konti Astro.


## 'Honey Trap', Thriller Perisik Wanita Dari Dunia KUDETA

Astro Originals mempersembahkan Honey Trap, siri premium thriller yang berkembang dari dunia fiksyen KUDETA.

Berlatar negara Masraya, ia mengisahkan Surya Gabriel (Nina KSC), seorang perisik wanita berkaliber yang ditugaskan menjatuhkan kumpulan pemberontak. Namun, misi sulit itu menjadi rumit apabila hubungan romantik mula tercetus dengan aset yang direkrut.

Diarahan oleh Imran Sheik dan diterbitkan oleh Astro Shaw bersama Lacuna Pictures, Honey Trap menampilkan 8 episod serta 2 episod istimewa, dibintangi Syarul Ezani, Ungku Ismail, Irfan Zaini, Adlin Aman Ramlie, Ms Pui Yi dan ramai lagi.

Saksikan mulai 20 Jun 2025 di sooka dan On Demand setiap Jumaat, serta di Astro CITRA (Jumaat, 9 malam) dan Astro RIA ( Isnin, 9 malam).



## Konsert Rossa 'Here I Am' Meriah Lain Macam

Penyanyi, Hael Husaini mendedahkan bahawa penyanyi popular Indonesia, Datuk Seri Rossa telah memilih lagu raya terbaharunya bersama Nadeera Zaini berjudul Meriah Lain Macam untuk dipersembahkan secara duet semasa Konsert Rossa 'Here I Am' yang berlangsung pada Sabtu.

Menurut Hael, dia pada awalnya telah mencadangkan beberapa lagu popularnya seperti Jampi dan Hajat untuk dipersembahkan namun Rossa tetap memilih lagu raya tersebut sebagai pilihan utama.

"Datuk Seri Rossa telefon saya untuk request lagu apa yang kami nak nyanyi bersama, saya suggest ada Jampi, hajat dan banyak lagi lagu tapi yang dia pilih adalah Meriah Lain Macam."

"Tapi sebab hari ni adalah hari dia kita nyanyi lagu yang dia minta," kata Hael disambut dengan sorakan daripada penonton.

Menariknya, Hael dan Rossa telah menukar lirik lagu raya tersebut kepada versi yang menggambarkan suasana konsert di Axiata Arena.

Konsert itu menyaksikan kehadiran hampir 10,000 peminat dan turut menampilkan barisan penyanyi hebat seperti Ariel, MK K-Clique, Diph Barus, Rimar, Jemimah, Syarla, Awdella dan Ernie Zakri.

Rossa menyampaikan lebih 30 lagu hits sepanjang kariernya, antaranya Hijrah Cinta, Hati Yang Kau Sakiti, Atas Nama Cinta, Terlalu Cinta, Wanita Yang Kau Pilih, Pudar, dan Hey Ladies.

Lebih mengujakan peminat, Rossa turut meraikan ikatan persahabatannya bersama Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dengan menyampaikan beberapa lagu ikonik penyanyi nombor satu negara itu.

Rossa menyampaikan lagu Percayalah, Biarlah Rahsia dan Bukan Cinta Biasa menerusi segmen tribute kepada Siti Nurhaliza.

Segmen itu kemudian bertukar gamat dengan sorakan peminat apabila Siti menyambung nyanyian Rossa ketika membawakan lagu Percayalah.

Antara selebriti yang hadir menyaksikan konsert itu ialah Melly Goeslaw, Nora Danish, Dayang Nurfaizah, Amira Othman, dan Datuk Seri Siti Nurhaliza sendiri.

Konsert Rossa 'Here I Am' berlangsung penuh meriah dan penuh emosi pada 14 Jun 2025 di Axiata Arena, Bukit Jalil.

Konsert anjuran Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN) dan Inspire Production dengan kerjasama promosi dan pemasaran daripada Sah Entertainment itu juga menjadi ruang untuk Rossa bercerita mengenai perjalananannya sepanjang dua dekad bergelar anak seni.

## Konsert Cinta Nostalgia Krisdayanti Beri Kenangan Manis Buat Peminat


Konsert Cinta Nostalgia Krisdayanti yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya pada malam Ahad lalu sememangnya memberi kenangan manis buat peminat penyanyi Indonesia terkenal itu.

Berlangsung selama dua jam, konsert primadona tersohor Indonesia itu turut dimeriahkan dengan persembahan daripada artis jemputan iaitu penyanyi Mimi Fly dan Khai Bahar.

Malah apa yang menariknya lagi, Krisdayanti 'rajin' turun ke pentas dan berjalan mengelilingi dewan sambil menyanyi, menyapa dan berinteraksi secara langsung dengan kira-kira 2,300 peminatnya.

Krisdayanti memulakan persembahan dengan menyanyikan lagu Mahadaya Cinta, Cinta, Yang Kumau, Cubalah Untuk Setia, I'm Sorry Goodbye, Pilihlah Aku dan Menghitung Hari.

Menariknya, Krisdayanti turut mengajak Biduanita Negara iaitu Datuk Seri Siti Nurhaliza bersama-sama di atas pentas untuk lagu Cindai.





**Tun Laila**  
@beyarafaee 

## Cinta Tak Kenal Usia? Hati-Hati, Anda Mungkin Sedang Langgar Undang-Undang

Cinta mungkin tidak mengenal usia namun adakah anda yakin cinta itu selamat untuk anda?

Pempengaruh, Tun Laila menegaskan bahawa masih ramai rakyat Malaysia yang tidak sedar bahawa menjalin hubungan cinta dengan individu bawah umur boleh menjadi satu kesalahan serius di sisi undang-undang.

Menurutnya, mengikut Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak didefinisikan sebagai individu yang belum mencapai umur 18 tahun.

"Amang seksual terhadap kanak-kanak terdapat dua jenis iaitu secara fizikal dan bukan fizikal. Ini sangat penting sebab ramai yang tidak tahu ia menjadi satu kesalahan kalau anda adalah seorang dewasa tidak kisah umur 20 tahun ke atas bercinta dengan kanak-kanak berusia 18 tahun.

"Defenisi kanak-kanak dibawah seksyen 2 akta kanak-kanak 2001 yang mana budak yang belum berumur 18 tahun contoh seperti dia 17 tahun 9 bulan dia masih dalam kategori kanak-kanak," katanya.

Tun Laila turut menerangkan dua jenis amang seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792).

### **Amang Seksual Fizikal (Seksyen 14A)**


✓ Melibatkan sentuhan dengan niat seksual terhadap kanak-kanak. Contoh: meraba, menyentuh bahagian sulit, mencium secara tidak senonoh.

### **Amang Seksual Bukan Fizikal (Seksyen 15)**

✓ Tidak melibatkan sentuhan, tapi tetap dilakukan dengan niat seksual. Contoh: memerhati dengan niat lucah, mengikuti kanak-kanak, atau melakukan onani sambil melihat kanak-kanak.

Tun Laila mengingatkan golongan lelaki dewasa agar tidak mengambil ringan soal usia apabila mahu berkawan atau bercinta.

Malah dia turut mengingatkan hukuman bagi kesalahan ini sangat berat kerana anda boleh dipenjara sehingga 20 tahun serta sebatan.






## Mee Bandung Ranks 5th Best Noodle In The World

Mee Bandung from Muar, Johor has been ranked 5th in the "Top 100 Noodle Dishes in the World" by TasteAtlas, scoring 4.6 out of 5 from thousands of voters.

This iconic Malaysian dish features yellow noodles in a thick, spicy broth made with onions, chilies, shrimp paste, and dried shrimp—topped with boiled egg, prawns, fish cakes, vegetables, and sometimes beef, with a splash of lime juice for freshness.

It's one of eight Malaysian noodle dishes that made the list, highlighting Malaysia's strong presence in global street food culture.




## Keluang Man Returns In Film 'Baling' And New Series

Astro Shaw is expanding the Keluang Man universe with two major projects in the pipeline: a new film titled Baling and an all-new live-action series featuring the original character Borhan/Keluang Man.

While the series won't directly continue the storyline from the Baling film, it will offer a fresh take on the iconic hero, with Anwari Ashraf set to return as director.

The live-action series is currently in development and is expected to premiere in late 2026 or early 2027, though an official release date is yet to be confirmed.



## RM0.70 Charged For 'Tarik'

A Malaysian woman in Sibu was stunned after spotting an RM0.70 surcharge on her receipt for requesting her coffee to be "pulled" (tarik) a normal preparation technique usually offered for free.

Her RM4.30 coffee plus the extra charge (and additional fees for tissues) brought the total to RM7, which sparked amusement and disbelief online.

Netizens joked about how the "tarik" skill now has a price tag—and quipped that soon, dishes and cutlery might come with extra fees too.